

# Penjawat awam dipercayai pukul anak angkat diberkas

**LAWAS:** Seorang penjawat awam diberkas selepas dipercayai memukul anak angkatnya dalam kejadian di sini pada Khamis lepas.

Ketua Polis Daerah Lawas DSP Liong Tindan berkata, suspek ditahan di tempat kerjanya di sebuah jabatan kerajaan di sini untuk membantu siasatan lanjut dalam kes berkenaan.

Kata beliau, satu laporan polis diterima daripada ayah suspek, 74, yang mendakwa cucu lelakinya, 13, telah

dipukul suspek yang juga bapa angkat kanak-kanak berkenaan.

“Mangsa telah dirujuk ke Hospital Lawas untuk tindakan lanjut.

“Bertindak atas laporan berkenaan, sepasukan polis telah berjaya menahan suspek pada Ahad lepas di tempat kerjanya di sebuah jabatan kerajaan di Lawas

“Suspek telah dibuat saringan air kencing dan didapati suspek positif dadah

jenis Amphetamine dan Methamphetamine,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, semakan mendapati suspek mempunyai tiga kesalahan lampau.

Kes katanya, disiasat atas Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001, selain Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Dalam operasi berasingan katanya, dua lelaki tempatan berusia 36 tahun dan 24 tahun dicekup Ahad lepas

kerana disyaki terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

“Pemeriksaan badan tidak menjumpai barang salah atau dadah.

“Hasil ujian air kencing bagaimanapun mendapati kedua-dua suspek positif dadah Amphetamine dan Methamphetamine, manakala semakan mendapati salah seorang suspek mempunyai satu kesalahan lampau,” katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) ADB 1952.